



SIARAN MEDIA

LEBIH 6,500 PELUANG PEKERJAAN MENANTI PENCARI KERJA DI MELAKA

AYER KEROH, MELAKA – Lebih **6,500 peluang pekerjaan** ditawarkan kepada pencari kerja oleh **36 majikan** daripada pelbagai sektor yang mengambil bahagian dalam **Karnival Kerjaya MYFutureJobs Melaka Careertrans** dan **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023**.

Golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) juga tidak dilupakan dengan **10 peratus** daripada kekosongan jawatan ini terbuka kepada golongan mudah terjejas ini.

Peluang pekerjaan yang ditawarkan majikan daripada sektor swasta dan awam di Karnival ini, memerlukan pelbagai jenis kelayakan dan pengalaman termasuk graduan baharu. Sebagai contoh, **CTRM Aero Composites Sdn. Bhd.** menawarkan pelbagai jawatan Jurutera, Eksekutif Komersial, Pengaturcara IT (*IT Programmer*) sehinggalah *Graduate Enhancement Programme* manakala **CIMB Bank Berhad** memerlukan pelbagai jawatan Pengurus, Perunding Pusat Panggilan, Pembangun Bahagian Depan (*Front-end Developer*) sehinggalah kepada Program **PROTÉGÉ**. **Malayan Banking Berhad (Maybank)** pula menawarkan jawatan Penasihat Kewangan Peribadi, Telejualan dan pelbagai peluang kepada para graduan menerusi *Business Banking Graduate Trainee*, *SME Plus Graduate Trainee* dan Program **PROTÉGÉ**.

Antara majikan lain yang akan menemui pencari kerja di Karnival ini termasuk Padini Holdings Berhad, 99 Speedmart Sdn. Bhd., Mydin Mohamed Holdings Berhad, McDonald's, FoodPanda Malaysia, Citi-Link Express (M) Sdn. Bhd., Honda Malaysia

Sdn. Bhd., Prasarana Malaysia Berhad, Institut Jantung Negara, dan Pusat Rehabilitasi PERKESO.

Selain temu duga terbuka untuk pencari kerja, Karnival Kerjaya ini juga mengetengahkan **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** untuk golongan suri rumah di Melaka. Orang ramai digalakkan hadir ke *booth* SKSSR untuk mendapat penerangan tentang skim perlindungan ini. Sehingga **2 Mac 2023**, seramai **174,00 orang suri rumah** di seluruh negara telah mencarum dengan SKSSR termasuk **166,666 individu** yang caruman mereka ditaja oleh Kerajaan. Di Melaka, seramai **6,092 orang suri rumah** kini dilindungi SKSSR.

Karnival dua hari anjuran Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka berlangsung **hari ini dan esok (12 Mac 2023)** di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Karnival Kerjaya ini merupakan salah satu usaha untuk membawa peluang pekerjaan secara langsung kepada rakyat di mana mereka boleh menghadiri temu duga terbuka dengan majikan pilihan serta berpeluang mendapat tawaran pekerjaan secara langsung atau “on the spot”.

Para pencari kerja yang mengunjungi Karnival ini juga boleh menggunakan sepenuhnya manfaat yang disediakan seperti mendaftar dengan **Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs** dan bantuan penyediaan resume. Bagi mereka yang masih mencari hala tuju kerjaya, boleh terus hadir ke kaunter Kaunseling Kerjaya untuk mendapat khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya dari Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

Perkhidmataan pekerjaan yang disediakan PERKESO di sepanjang karnival berlangsung dijangka akan meningkatkan tahap keyakinan dan kebolehpasaran pencari kerja, seterusnya memberi peluang yang lebih cerah kepada mereka untuk diambil bekerja oleh majikan-majikan yang menyertai Karnival ini.

Sejak Januari 2020 hingga kini, Portal MYFutureJobs yang merupakan tonggak kepada perkhidmatan pekerjaan PERKESO, telah membantu **776,742** orang pencari kerja memperoleh pekerjaan.

Menurut statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, seramai **490 orang telah kehilangan pekerjaan** di negeri Melaka pada tahun **2022**. Jumlah ini telah menurun berbanding tahun-tahun sebelum ini, yang mana **987 pekerja** telah kehilangan pekerjaan di negeri ini pada tahun **2021** dan **2,081 pekerja** mengalami nasib yang sama pada tahun **2020**.

Pada tahun lalu PERKESO membayar bantuan kewangan sebanyak **RM3.74 juta** kepada **490 pekerja** di Melaka yang kehilangan pekerjaan.

Kerjasama antara Kerajaan Negeri Melaka dan PERKESO ini diharap dapat memberi peluang cerah kepada pencari kerja, para pengangur dan pekerja sedia ada yang ingin meninjau peluang peningkatan kerjaya, sekali gus meningkatkan mata pencarian pencari kerja tempatan di samping mengurangkan kadar pengangguran bukan sahaja di Melaka tetapi juga di negara ini.

PERKESO menggalakkan semua pencari kerja untuk memanfaatkan peluang pekerjaan yang terdapat di Karnival Kerjaya ini dengan mendaftar di pautan www.myfutrejobs.gov.my/career. Bagi para majikan yang berminat untuk turut serta dalam karnival kerjaya yang akan datang, boleh menghubungi Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO di **03-8091 5300**. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PERKESO di www.perkeso.gov.my atau hubungi talian khidmat pelanggan PERKESO di **1-300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

11 Mac 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.